



**UTM**  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

**PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**

**(UHMS1182-30)**

**LAPORAN KEBERKESANAN PENGGUNAAN ETIKA PEKERJAAN DALAM  
BIDANG KEJURUTERAAN**

<b>NAMA PENSYARAH :</b>	<b>HUSSAIN MAHMOOD</b>
<b>KUMPULAN :</b>	<b>5</b>
<b>NAMA AHLI KUMPULAN :</b>	<b>NUR FATEHAH BT HAIROL NIZAM (A20EC0113) IRSYAD ROS BIN HISYAM ROS (A20EC0052) NG DE KEN (A20EC0106) MUHAMMAD MIRZA BADRI BIN MOHD MOKTAR(B20EC0031) NAVEENAN CHANDRAN (B20EC0033) NUR AMIRAH AFIQAH BINTI MOHD.NAZLI (B20EC0035)</b>

## Contents

<b>1.0 Pengenalan</b> .....	3
<b>2.0 Etika Pekerjaan dalam Bidang Kejuruteraan</b> .....	4
<b>3.0 Pekerjaan Dalam Kejuruteraan</b> .....	7
<b>4.0 Fungsi Etika Dalam Dunia Pekerjaan</b> .....	10
<b>4.1 Meningkatkan kualiti kerja</b> .....	10
<b>4.2 Menggelakkan daripada melakukan perkara yang melanggar peraturan</b> .....	10
<b>4.3 Menjaga rahsia dan peribadi dalaman tempat bekerja</b> .....	11
<b>4.4 Memupuk sifat Kerjasama dalam pekerjaan</b> .....	11
<b>4.5 Dapat mempraktikkan nilai-nilai etika dalam pekerjaan seharian</b> .....	12
<b>5.0 Kebeesanan Etika Dalam Pekerjaan</b> .....	12
<b>6.0 Akibat Pengabaian Etika Dalam Kejuruteraan</b> .....	16
<b>6.1 Diri</b> .....	16
<b>6.2 Masyarakat</b> .....	17
<b>6.4 Ekonomi</b> .....	17
<b>6.5 Syarikat</b> .....	18
<b>7.0 Kesimpulan</b> .....	18

## 1.0 Pengenalan

Secara umumnya, etika atau ethics jika ditafsirkan dari segi bahasa membawa maksud sikap dan adat yang menentukan tingkah laku seseorang. Perkataan 'etika' berasal daripada perkataan Inggeris iaitu ethics. Ethics pula berasal dari perkataan Greek, iaitu ethos yang membawa maksud watak atau budaya. Etika boleh dikategorikan sebagai sains menilai dan memahami proses penilaian tersebut. Ianya berkait rapat dengan pentafsiran sesuatu perbuatan sama ada ianya ialah perbuatan yang baik ataupun sebaliknya. Dasawarsa ini, prinsip etika memainkan peranan penting di dalam kebanyakan bidang. Antaranya ialah di dalam bidang kejuruteraan. Etika profesional dilihat sebagai satu cabang yang penting dalam kerjaya profesional pada masa kini. Etika profesional merujuk kepada etika dalam sesuatu bidang profesional. Professional boleh disebut sebagai keupayaan dan kecekapan dalam melaksanakan sesuatu tanggungjawab berteraskan ilmu, latihan dan kepakaran di dalam bidang tersebut. Menurut Mohd Janib Johari (2001), etika profesional merupakan satu alat kawalan sosial terhadap golongan profesional yang membolehkan organisasi dan masyarakat mengawasi dan menilai tingkah laku mereka dari semasa ke semasa

Implikasi etika amat luas mencakupi semua aspek kehidupan manusia dan termasuklah di alam pekerjaan. Etika kerja berkaitan dengan amalan dan perbuatan beretika selaras dengan peraturan dan norma dalam sesebuah organisasi (Sabitha Marican 2008). Lazimnya ia merangkumi perbuatan serta perilaku yang dianggap baik untuk organisasi dan yang memberi makna kepada pekerja dalam urusan sehariannya (Mahmood Nazar Mohamad et al. 1997). Etika kerja juga berkaitan dengan sikap individu terhadap pekerjaan (Plunkett, 1994) di samping penglibatan, tanggungjawab serta komitmen seseorang itu terhadap kerja (Cherrington 1991). Mertin & Hennigan (1996) menyatakan bahawa etika kerja untuk pentadbir awam adalah kritikal bagi menguruskan elemen berikut:

- i) Kesamaan – perkhidmatan yang sama dan konsisten kepada semua orang tanpa mengambil kira latar belakang etnik, status atau fahaman politik.
- ii) Ekuiti – ada kalanya perkhidmatan yang berasaskan kesamaan tidak dapat mencapai keadilan dalam erti kata yang sebenar. Misalnya terdapat segolongan dalam masyarakat yang telah mengalami diskriminasi maka, ekuiti diperlukan bagi mengimbangi semula keadaan supaya jurang perbezaan tidak menjadi lebih ketara.
- iii) Kesetiaan – setia kepada Perlembagaan, Kerajaan yang memerintah, Undang-undang dan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam organisasi.

iv) Kebertanggungjawaban – penjawat awam perlu bertanggungjawab atas semua tindak tanduknya dan tidak hanya melepaskan kepada organisasi atau pemerintah semata-mata. Seseorang itu tidak boleh mengatakan “saya hanya menurut perintah” apabila berlaku sesuatu perkara yang perlu dipertanggungjawabkannya.

v) Kod etika atau piawai perilaku profesion yang ditetapkan organisasi adalah untuk mengawal tingkah-laku sendiri ahli-ahli profesion itu supaya ianya selaras dengan norma serta jangkaan masyarakat terhadapnya.

### **Definisi etika kejuruteraan**

Etika kejuruteraan pada masa kini dilihat sebagai perkara yang amat penting untuk memupuk kesedaran kepada jurutera demi menggalas tanggungjawab sosial. Jurutera memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat dan negara. Pembangunan yang dikecapi pada masa kini adalah hasil daripada ketekunan dan kepandaian jurutera yang bertungkus lumus supaya negara dapat mengecapi arus kemodenan seperti negara-negara maju yang lain. Tanpa jurutera, tidak mungkin kita dapat melihat bangunan-bangunan tinggi seperti Menara Berkembar Petronas (KLCC) dan Menara Kuala Lumpur. Sikap profesional dalam kalangan jurutera adalah sangat penting bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, harta benda, dan alam sekitar. Profesionalisme bukan bermaksud mempunyai ijazah semata-mata, tetapi ia membawa maksud tentang cara seseorang jurutera memupuk nilai moral dan etika semasa melakukan kerja. Di samping itu, nilai etika juga perlu dipupuk demi menjaga maruah profesion kejuruteraan dengan menghindari amalan-amalan yang tidak beretika seperti rasuah.

### **2.0 Etika Pekerjaan dalam Bidang Kejuruteraan**

Dalam apa jua pekerjaan yang seseorang akan terlibat, mereka hendaklah bertindak secara matang dan profesional. Ia amatlah penting bagi setiap orang untuk menyemai nilai-nilai yang baik kerana ia dapat membentuk diri mereka ke arah kebaikan dari segi peningkatan kualiti hidup, kecermelangan kerjaya dan juga dapat membuktikan kewarganegaraan yang bagus. Hal ini memerlukan mereka mengikut garis panduan umum iaitu ‘Etika Kerja Profesional’. Secara kasarnya, terdapat 5 prinsip etika kerja yang utama iaitu jujur, hormat-menghormati, bersimpati, berlaku adil dan bertanggungjawab (“Etika Kerja Profesional”, 2011).

Namun demikian, pekerjaan dalam bidang kejuruteraan mempunyai kod etika yang lebih khusus dinamakan sebagai ‘Code of Ethics’. Pekerjaan dalam bidang ini memerlukan

sifat tanggungjawab dan kejujuran yang lebih tinggi kerana kegagalan mengikut etika kejuruteraan yang betul merisikokan keselamatan dan kesihatan khalayak ramai. Prinsip asas yang perlu dipatuhi sekiranya seseorang itu bekerja sebagai jurutera adalah mengutamakan keselamatan, kesihatan dan keadaan orang ramai, melakukan kerja hanya dalam bidang kemahiran sendiri sahaja, memberitahu pihak awam pernyataan yang bersifat terus terang dan jelas, bertindak dengan penuh amanah, profesional dan terbuka kepada semua majikan dan pelanggan, serta mengelakkan perlakuan yang licik dan tidak jujur ("Code of Ethics", n.d.). Kod etika jurutera ini akan kita kupaskan dengan lebih lanjut

Prinsip pertama sekali yang perlu diikuti adalah untuk mendahulukan keselamatan, kesihatan dan keadaan khayalak umum. Seperti yang dinyatakan tadi, kerja seorang jurutera melibatkan risiko yang tinggi sekiranya seseorang itu bersifat tidak bertanggungjawab. Jadi, untuk menjaga keselamatan semua, seseorang jurutera itu haruslah melaporkan kepada majikan atau pelanggan mereka dan pihak berkuasa lain yang berkenaan apabila pertimbangan atau tanggapan awal jurutera tersebut terbukti salah. Sebagai contoh, apabila memilih lokasi sesuai untuk memula projek pembinaan bangunan, jurutera tersebut mungkin telah mengkaji keadaan tanah disitu dan mendapati ia sesuai. Namun begitu, setelah beberapa bulan, mungkin keadaan hujan lebat dapat mengubah keadaan tanah disitu dan merisikokan kejadian banjir kilat dan tanah runtuh. Jadi, seorang itu haruslah membatalkan projek tersebut secepat mungkin tanpa berfikir tentang kerugian yang bakal dialami. Sekiranya seseorang jurutera itu bekerjasama dengan jurutera lain dan mendapati bahawa mereka melakukan perkara yang tidak sah, jurutera itu tidak boleh bersubahat dan terus melaporkannya.

Prinsip etika kerja yang seterusnya adalah menerima projek atau tugas hanya jika cekap dan pakar dalam bidang itu. Seseorang jurutera itu mestilah melakukan tugas hanya sekiranya mereka memenuhi syarat pendidikan atau pengalaman dalam bidang yang terlibat. Seseorang itu boleh menerima tugas dan memikul tanggungjawab untuk mengatur dan mengawal keseluruhan projek serta menandatangani dan mengesahkan ('sign and seal') dokumen kejuruteraan untuk projek itu, dengan syarat setiap bahagian dalam projek itu ditandatangani hanya oleh jurutera yang berkeelayakan bagi segmen tersebut. Sebagai contoh, jika projek tersebut berkenaan bidang elektrik, seorang jurutera am tidak boleh menerima atau memberi kebenaran untuk menerima projek itu. Hal ini penting kerana ia dapat mengelakkan berlakunya tanggapan yang salah kerana bidang tersebut adalah di luar kepakaran kita.

Untuk berjaya mengikuti prinsip etika kerja yang ketiga, jurutera perlulah mengeluarkan pernyataan awam dengan objektif dan jujur. Perkataan ‘objektif’ di sini bermaksud tidak dipengaruhi oleh perasaan atau pendapat peribadi dalam mempertimbangkan dan mewakili fakta (“Oxford Dictionary”, n.d.). Dalam erti kata lain, jurutera tidak boleh berkata mengikut emosi dan gerak hati dan hanya boleh mengemukakan pendapat secara terbuka yang berdasarkan pengetahuan tentang fakta yang benar dan harus mempunyai kemahiran dalam perkara tersebut. Jurutera hendaklah telus dan objektif dalam laporan profesional, pernyataan, atau kesaksian. Mereka harus memasukkan semua maklumat yang relevan dan harus menunjukkan tarikh yang bahawa ia maklumat yang terkini.

Bertindak professional bagi majikan atau pelanggan sebagai pemegang amanah yang setia juga merupakan salah satu prinsip asas etika kerja sebagai seorang jurutera. Seseorang itu tidak boleh menerima pampasan kewangan, dari lebih dari satu pihak untuk perkhidmatan bagi projek yang sama, melainkan keadaan itu dinyatakan sepenuhnya dan dipersetujui oleh semua pihak yang berkenaan. Jurutera juga tidak boleh meminta atau menerima kewangan yang lain, secara langsung atau tidak langsung, dari pihak luar yang tidak berkaitan dengan kerja mereka. Hal ini dapat mengelakkan berlakunya kes penggelapan wang dan juga kes rasuah.

Akhir sekali, jurutera haruslah jujur dengan segala tindakan mereka dan tidak mengkhianati kepercayaan rakan kerja, klien mahupun majikan mereka dengan melakukan tindakan yang licik. Sebagai contohnya, jurutera tidak boleh memalsukan kelayakan mereka atau membiarkan kelayakan rakan sekerja mereka dipalsukan. Pembentangan yang berkaitan dengan temu ramah ketika permintaan pekerjaan mereka juga tidak boleh dipalsukan fakta yang berkaitan mengenai majikan, pekerja, rakan sekerja, atau pencapaian masa lalu. Mereka juga tidak boleh memberi gambaran yang salah atau membesar-besarkan tanggungjawab mereka dalam tugas mereka yang terdahulu.

Selain daripada prinsip asas etika kerja, terdapat juga beberapa kewajipan profesional yang perlu dipatuhi oleh seorang yang bekerja bidang kejuruteraan. Antaranya adalah mempunyai tahap kejujuran dan integriti tertinggi dalam semua hubungan mereka seperti memahami kesilapan mereka dan tidak mengubah fakta. Selain itu, jurutera mesti cuba untuk sekali sekala mewakili kepentingan awam seperti menghargai biodiversiti untuk melindungi alam sekitar demi generasi akan datang. Seterusnya, jurutera mesti mengelakkan tindakan atau aktiviti yang dapat menipu orang ramai seperti mengizinkan penggunaan pernyataan yang mengandungi bahan yang menyalahgunakan fakta. Kemudian, jurutera hendaklah mengakui

dan memberikan kepujian untuk kerja kejuruteraan kepada mereka yang perlu menerimanya, dan harus menghormati kepentingan hak milik orang lain seperti menamakan seseorang atau pihak yang bertanggungjawab secara peribadi untuk rancangan, penemuan, tulisan atau pencapaian yang lain.

### **3.0 Pekerjaan Dalam Kejuruteraan**

Kebanyakan pelajar akan memilih kursus kejuruteraan untuk melanjutkan pengajian mereka di peringkat yang lebih tinggi tidak kira diploma mahupun sarjana muda kerana bidang profesional ini sedang berkembang dengan sangat pesat dalam pelbagai sektor di negara tercinta ini. Bidang ini mempunyai pelbagai cabang pengkhususan seperti kejuruteraan awam, mekanikal, elektrik, kimia, elektronik dan pelbagai lagi. Namun begitu, bukan mudah untuk seseorang untuk memiliki gelaran ataupun tauliah jurutera profesional yang lebih dikenali sebagai Ir. Lulusan kejuruteraan terlebih dahulu perlu menjadi ahli Institute of Engineers Malaysia (IEM) sebelum boleh mendaftar dengan Board of Engineers Malaysia (BEM). Kemudian, seseorang memerlukan pengalaman sekurang-kurangnya tiga tahun bekerja dalam bidang-bidang berkaitan, lulus mengambil ujian yang ditetapkan dan memenuhi syarat-syarat tertentu sebelum mereka layak memakai gelaran tersebut.

Antara bidang kejuruteraan yang popular ialah kejuruteraan awam. Sebagai seorang jurutera awam, seseorang perlu merancang, mengurus, mereka bentuk, menyelia pembinaan dan penyelenggaraan pelbagai perkhidmatan umum, komersial, binaan serta kemudahan perusahaan. Mereka juga hendaklah berkemahiran menyelesaikan masalah seperti pengetahuan tentang kerja-kerja pembinaan dan ia melibatkan lawatan ke tapak binaan dengan menjalankan tinjauan, memperolehi contoh batu-batan dan tanah untuk dianalisis bagi memastikan sesuatu projek itu selamat serta mengambil kira penganggaran kos dan menolong menentukan supaya projek tersebut selesai dalam jangka masa yang ditetapkan. Antara pekerjaan yang terdapat dalam bidang kejuruteraan awam ini ialah jurutera awam pembinaan bangunan, lebuh raya dan jalan raya, geoteknik, pembinaan jambatan, pengairan, hidraulik serta kumbahan dan sanitari.

Seseorang yang bergelar jurutera awam semestinya memiliki pembantu kejuruteraan awam atau lebih dikenali sebagai pembantu teknik. Pembantu teknik ini hendaklah menjalankan tugas-tugas teknik di bawah arahan am, penyeliaan atau panduan Jurutera Awam, arkitek atau juruukur atau mengikut teknik kejuruteraan awam yang sudah ditetapkan dalam

perancangan dan penyeliaan kerja pembinaan berkaitan dengan struktur kejuruteraan dengan menyumbang terhadap perancangan dan pelaksanaan projek-projek kejuruteraan awam. Terdapat lagi satu pekerjaan dalam bidang kejuruteraan awam iaitu juruteknik awam di mana biasanya pekerjaan ini di bawah arahan dan penyeliaan jurutera awam, arkitek atau juruukur serta menjalankan tugas teknik yang menyumbang kepada perancangan dan pelaksanaan projek pembinaan dan kejuruteraan awam termasuk reka bentuk, pembinaan, operasi, penyelenggaraan dan pembaikan bangunan serta struktur lain seperti sistem bekalan air dan kumbahan, jambatan, jalan raya, empangan dan lapangan terbang.

Seterusnya, bidang kejuruteraan yang ada di Malaysia ialah kejuruteraan mekanikal. Jurutera mekanikal kebiasaannya menjalankan tugas penyelidikan, memberi nasihat dan mereka bentuk mesin-mesin pengeluaran, jentera dan peralatan perindustrian. Mereka bertanggungjawab membangunkan sistem perindustrian serta memberi nasihat dan memastikan sistem tersebut berfungsi dengan baik. Mereka juga hendaklah melakukan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan jika perlu, mengkaji dan memberi nasihat berhubung dengan aspek teknologi bahan, produk, serta prosedur penyelenggaraan yang tertentu. Terdapat pekerjaan lain dalam bidang kejuruteraan mekanikal seperti juruteknik mekanikal di mana ia menjalankan tugas teknik biasanya di bawah arahan dan penyeliaan jurutera mekanikal yang menyumbang kepada reka bentuk, pembangunan, pembuatan, pembinaan, pemasangan, penyelenggaraan dan pembaikan loji dan peralatan yang berfungsi secara mekanik dan mekanik jurutera jentera am di mana ia melakukan kerja-kerja membaiki, servis berbagai jenis mesin, jentera, enjin dan lain-lain alat mekanikal kecuali kereta, motor, enjin kapal terbang, peralatan kapal terbang, peralatan elektrik dan alatan-alatan lain di dalam bengkel atau di tempat di mana ia digunakan. Mereka juga memeriksa mesin yang rosak, membuka sebahagian, menukar sebahagian yang rosak serta memasang semula dan memastikan pemasangan itu betul, menguji dan memastikan ianya berfungsi dengan baik. Antara pekerjaan spesifik yang terdapat dalam bidang kejuruteraan mekanikal ialah juruteknik motor dan enjin, juruteknik kereta, juruteknik aeroangkasa atau aeronautik, juruteknik sistem dan peralatan penyejukan dan penyaman udara, juruteknik marin, juruteknik penganggar atau mekanik, juruteknik ujian dan mekanik jentera am.

Selain itu, bidang kejuruteraan lain yang terdapat di Malaysia ialah kejuruteraan elektrik. Seorang jurutera elektrik hendaklah menjalankan penyelidikan dan memberi nasihat, mereka bentuk, membangunkan dan menyelia pembuatan, pemasangan, operasi dan penyelenggaraan, membaik pulih peralatan, mesin dan sistem untuk penjanaan, pengagihan,

penggunaan dan pengawalan kuasa elektrik. Mereka juga terlibat dalam perkembangan dan pembuatan berbagai jenis alat elektrik serta menguji dan menyelesaikan masalah operasi dan menganggar masa dan perbelanjaan sesuatu projek kejuruteraan yang akan dilaksanakan. Seseorang jurutera elektrik tidak lengkap jika tiada juruteknik elektrik. Juruteknik elektrik kebiasaan menjalankan tugas teknik di bawah arahan dan penyeliaan jurutera elektrik yang menyumbang kepada reka bentuk, pembinaan, pemasangan, penyelenggaraan dan pembaikan sistem dan peralatan elektrik. Penjaga elektrik pula kebiasaannya menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dan membaiki jana kuasa elektrik dan peralatan elektrik di tempat ia digunakan. Antara pekerjaan spesifik dalam kejuruteraan elektrik ialah jurutera penjanaan kuasa, jurutera pengagihan dan penghantaran kuasa, jurutera pencahayaan elektrik dan jurutera peralatan elektroteknik.

Di samping itu, terdapat bidang kejuruteraan yang mungkin kurang popular berbanding dengan kejuruteraan awam mahupun mekanikal iaitu kejuruteraan kimia. Jurutera kimia ditugaskan menjalankan penyelidikan dan penyeliaan operasi loji-loji kimia dan kelengkapan untuk pelarutan, penurasan, kesejatan, kekontangan, penurunan, kepekatan, kombinasi, penghabluran dan lain-lain operasi untuk membuat kimia berat atau kimia halus mengikut spesifikasi. Mereka juga mengkaji proses-proses yang sedia ada atau alat kelengkapan yang digunakan, kecekapan dan tahap pengeluarannya serta menjalankan kajian mengenai prinsip-prinsip kimia, fizik dan kaji daya gerak haba untuk mencipta proses-proses baru. Seorang jurutera kimia tidak lengkap jika tanpa pembantu kejuruteraan kimia atau lebih dikenali sebagai pembantu mekanik di mana kebiasaannya menjalankan tugas-tugas teknik, biasanya di bawah arahan dan penyeliaan jurutera kimia yang menyumbang kepada pembangunan proses dan reka bentuk perindustrian kimia, pembinaan, operasi, penyelenggaraan dan pembaikan loji kimia. Antara pekerjaan lain dalam bidang kejuruteraan kimia ialah jurutera kimia petroleum dan gas, jurutera kimia cat dan varnis, jurutera kimia baja, jurutera kimia produk farmaseutikal, jurutera kimia makanan, ahli teknologi plastik dan lain-lain.

Akhirnya, bidang kejuruteraan lain yang ada di Malaysia adalah kejuruteraan elektronik. Jurutera elektronik hendaklah menjalankan penyelidikan dan memberi nasihat dengan menggunakan pengetahuan dan kaedah saintifik dan kejuruteraan untuk mewujudkan, membangun dan menyelenggarakan barangan, sistem dan komponen elektronik. Mereka juga bertanggungjawab mereka bentuk, membangun dan menguji barangan dan peralatan elektronik yang digunakan dalam bidang instrumentasi, kenderaan, telekomunikasi, pengemudian, komputer, perubatan, hiburan dan lain-lain. Antara pekerjaan spesifik yang terdapat dalam

kejuruteraan elektronik ialah jurutera jentera dan perkakas perindustrian, jurutera kuasa nuklear, jurutera pemanasan, pengalihanudara, penyamanan udara dan penyejukan, jurutera kenderaan automotif, jurutera mekanik aeronautik, jurutera marin dan lain-lain.

#### **4.0 Fungsi Etika Dalam Dunia Pekerjaan**

##### **4.1 Meningkatkan kualiti kerja**

Pengurusan adalah medium untuk menguruskan seseorang dalam setiap organisasi secara sistematik untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Kekurangan dalam pengurusan boleh menyebabkan masalah berlaku dan akan melambatkan kerja dalam organisasi dan mempengaruhi kualiti kerja seseorang. Pengurusan pada manusia merupakan objek yang akan dikendalikan secara menyeluruh dan rohani. Semakin tersusun pengurusan dalam setiap organisasi, semakin tinggi kualiti kerja. Kualiti kerja adalah ukuran tahap pengurusan, yang dapat dilihat dari nilai dan amalan kerja seseorang.

Kualiti produk dan kerja dapat diukur dari beberapa aspek, termasuk apakah perkara yang ditimbulkan itu dapat memuaskan dan dapat diselesaikan sesuai dengan kualiti yang diperlukan oleh pelanggan. Jika tidak, ini bermaksud bahawa kualiti produk dan kerja sesebuah organisasi masih belum mencapai standard dan harus ditingkatkan dan disempurnakan. Setiap pekerja dalam organisasi memainkan peranan penting sebagai pembekal kepada pelanggan secara dalaman dan luaran. Setiap pelanggan pula mempunyai pelbagai keperluan produk berkualiti tinggi yang diinginkan, bergantung pada keperluan mereka. Oleh itu, setiap produk (barang atau perkhidmatan) yang dilakukan, kerjasama semua di dalam organisasi amat diperlukan agar produk dan hasil kerja dapat memenuhi standard yang diperlukan oleh pelanggan.

##### **4.2 Menggelakkan daripada melakukan perkara yang melanggar peraturan**

Masalah disiplin pekerja sering dihadapi oleh mana-mana organisasi. Satu-satunya perbezaan adalah sama ada terdapat lebih banyak kes, atau sama ada kes tersebut kronik. Masalah yang sering dihadapi oleh organisasi dalam kes disiplin pekerja adalah pengendalian kes. Sekiranya tindakan tatatertib pekerja tidak dikendalikan dengan betul, kemungkinan kes tersebut tidak akan disabitkan atau organisasi tidak akan menjalani perbicaraan. Ini memudaratkan organisasi kerana terdapat banyak kos yang terlibat dalam menangani disiplin pekerja. Sebenarnya, ini juga bermaksud bahawa organisasi tersebut tidak profesional dalam menangani kes disiplin pekerja. Menyedari pentingnya menangani kes disiplin pekerja dengan betul, maklumat disiplin dan peraturan mestilah diwujudkan dalam setiap organisasi.

Organisasi juga harus menyadari bahawa reputasi organisasi bergantung pada sama ada pekerja mematuhi standard etika dan profesional tertinggi dalam melaksanakan tugasnya. Tanpanya, organisasi mungkin tidak berpeluang membina sejarah yang gemilang dalam industri di mana ia telah atau akan mengambil bahagian. Ini menunjukkan bahawa setiap pekerja harus menggunakan semua pengetahuan yang diperlukan untuk meningkatkan kesejahteraan seluruh organisasi, bersikap jujur dengan diri mereka sendiri, majikan, komuniti dan pelanggan mereka, dan selalu berusaha untuk meningkatkan tahap pengetahuan mereka untuk terus memberikan perkhidmatan yang lebih baik dari semasa ke semasa. Mana-mana pekerja yang mempunyai dan mengetahui maklumat sulit mesti bertanggungjawab untuk menjaga kerahsiaan maklumat tersebut dan hanya mendedahkannya kepada pihak dalaman berdasarkan keperluan dan kepentingan. Pekerja harus berhati-hati ketika mengendalikan maklumat sulit dan mengelakkan daripada menyampaikan maklumat sulit dengan pihak ketiga dengan cara yang mudah difahami.

#### **4.3 Menjaga rahsia dan peribadi dalaman tempat bekerja**

Pekerja tidak boleh dengan sengaja mendedahkan maklumat bukan umum mengenai organisasi mereka, pelanggan, atau pekerja lain di dalam organisasi tersebut, melainkan maklumat tersebut berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan kepada pihak ketiga atas permintaan pihak berkepentingan atau keperluan undang-undang.

Pekerja dalam organisasi juga harus menjadi orang yang kuat dan boleh dipercayai. Mari kita ambil contoh Nabi Musa alahaissalam di dalam Surah al-Qasas. Nabi Musa alahaissalam melarikan diri dari Mesir untuk menyelamatkan dirinya dan kepercayaan agamanya dari para hamba Firaun yang ingin membunuhnya. Baginda sampai di tanah Madyan dan telah menolong dua gadis yang tidak berdaya mengambil air kerana tempat itu penuh sesak dengan orang ramai, Setelah membantu kedua-dua gadis itu, mereka memberitahu ayah mereka tentang kejadian tersebut (Nabi Syuib alaihissalam), salah satu daripadanya disarankan kepada ayah mereka, sebagaimana dinyatakan dalam Al-Quran surah al-Qasas ayat 26 : 4. Bermaksud : “Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata : wahai ayahku ! ambillah ia sebagai orang upahan, sesungguhnya sebaik-baik orang yang diambil bekerja itu ialah orang yang kuat lagi amanah”.

#### **4.4 Memupuk sifat Kerjasama dalam pekerjaan**

Peribahasa “Berat Sama Dipikul, Ringan Sama Dijinjing” amat sinonim dengan budaya yang diamalkan oleh masyarakat majmuk di Malaysia. Semua bangsa Melayu, Cina, India dan pelbagai kaum Sabah dan Sarawak dididik untuk bekerjasama antara satu sama lain dan menyelesaikan masalah dan tugas bersama-sama Kerja berpasukan dapat didefinisikan sebagai

kumpulan kerja, yang anggotanya melakukan tugas bersama dan berusaha untuk mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni, engan satu matlamat yang sama iaitu menyelesaikan tugas yang diberikan.

Sebuah organisasi juga boleh terdiri daripada banyak pekerja yang mempunyai kemahiran yang berbeza dan pelbagai serta saling bergantung untuk menyelesaikan tugas bersama. Apabila pembahagian tenaga kerja yang sama rata dapat dicapai, julat setiap kerja dapat disiapkan dengan sebaiknya. Di samping itu, setiap pekerja harus mengemukakan idea mereka sendiri kerana setiap ahli pasukan dalam organisasi tersebut boleh menggunakan setiap idea yang diperoleh untuk kegunaan masa hadapan arau menambahkan ilmu pengetahuan yang baru kepada pekerja.

#### **4.5 Dapat mempraktikkan nilai-nilai etika dalam pekerjaan seharian**

Al-Masu'liyyah dapat didefinisikan sebagai tanggungjawab untuk tugas yang diamanahkan kepadanya, dan memastikan bahawa tujuan tugas dan objektifnya tercapai. Tugas-tugas tersebut juga dilaksanakan sesuai dengan peraturan, hukum, prosedur dan petunjuk yang diberikan. Untuk mencapai tujuan ini, setiap pekerja dalam organisasi tersebut mesti berhati-hati, teliti dan cekap, tidak membuang sumber yang ada, jujur, bersungguh-sungguh, amanah dan bertanggungjawab. Inilah nilai-nilai murni sejagat dan nilai-nilai universal Islam yang dapat dipraktikkan oleh semua pekerja.

Siddiq bermaksud jujur, yakin pada setiap ucapan dan tindakan, dan menegakkan nilai-nilai kebenaran. Tidak ada pertentangan yang disengajakan antara kata-kata dan tindakan. Dalam dunia pekerjaan dan perniagaan, kejujuran akan muncul dalam bentuk kesungguhan dan ketepatan dalam bentuk ketepatan masa, menepati janji, melaporkan segala kekurangan atau kesalahan, mengakui bahawa kelemahan seseorang telah diperbaiki, bukannya berbohong dan menipu untuk menutup segala kekurangan yang wujud secara disengajakan atau tidak.

Imej atau reputasi organisasi juga penting kerana biasanya berkaitan dengan integriti dan kecekapan organisasi. Oleh itu, adalah tanggungjawab pekerja untuk memelihara dan menjaga reputasi organisasi yang baik. Bukan sahaja komuniti tempatan tetapi juga masyarakat asing sering melihat perkara ini amat memberangsangkan dan ini juga berkemungkinan senang untuk mereka melabur dalam organisasi tersebut. Oleh itu, setiap pekerja digalakkan untuk menunjukkan keperibadian yang mulia dalam setiap tingkah laku.

#### **5.0 Keberkesanan Etika Dalam Pekerjaan**


“Kod Etika Perniagaan,” (2014) menyatakan bahawa etika dalam pekerjaan telah menyebabkan perlakuan perniagaan yang bertanggungjawab. “Kod Etika Perniagaan,” (2014)

juga mengesahkan bahawa syarikat akan mematuhi dan mengikuti sepenuhnya semua undang-undang, peraturan, syarat yang berkaitan dan standard amalan perniagaan yang baik. “Kod Etika Perniagaan,” (2014) menyeneraikan organisasi juga tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar undang-undang dan peraturan demi memperoleh keuntungan. “Kod Etika Perniagaan,” (2014) menyatakan bahawa sebaliknya, syarikat tersebut juga akan menawarkan kerjasama dan bantuan sepenuhnya kepada pihak-pihak berkuasa dan badan kawal selia bagi mengukuhkan perlindungan pelabur. “Kod Etika Perniagaan,” (2014) juga mengesahkan bahawa syarikat juga tidak bertolak ansur dengan sebarang bentuk rasuah atau korupsi dan komited kepada standard etika perniagaan yang tertinggi di dalam semua urusan perniagaan.

"LRN Ethics Study: Employee engagement", (2006) mengesahkan bahawa etika dalam pekerjaan juga dapat mempengaruhi kemampuan korporat untuk menarik, merekrut dan mengekalkan pekerja. Kajian tersebut menyatakan bahawa pekerja ditinjau dan 94 peratus pekerja mengatakan bahawa "kritikal" atau "penting" syarikat yang mereka kerjakan itu beretika. Dari 94 peratus pekerja yang mengatakan etika adalah kepuasan mereka terhadap majikan, lebih dari separuh (57 peratus) mengatakan adalah "kritikal" bahawa mereka bekerja untuk sebuah syarikat yang mereka percayai beretika manakala 37 peratus menyifatkannya sebagai "penting" ("LRN Ethics Study: Employee engagement", 2006).

## Rajah 1

Carta Pai menunjukkan kepentingan etika syarikat untuk pekerja




Nota. Dari "LRN Ethics Study: Employee engagement", (2006).

"LRN Ethics Study: Employee engagement", (2006) juga menunjukkan bahawa etika sangat penting bagi pekerja sehingga 82 peratus mengatakan mereka lebih suka dibayar lebih rendah tetapi bekerja untuk syarikat yang mempunyai amalan perniagaan yang beretika daripada yang menawarkan gaji yang lebih tinggi tetapi mempunyai amalan yang dipersoalkan. Responden yang lebih tua, berpendidikan lebih baik, lebih makmur dan bekerja dalam pekerjaan profesional dan pengurusan adalah yang paling cenderung mengatakan etika majikan lebih penting daripada pampasan tambahan ("LRN Ethics Study: Employee engagement", 2006).

## Rajah 2

Carta Pai menunjukkan pilihan pekerja untuk bekerja di syarikat yang beretika tetapi gaji lebih sedikit atau bekerja di syarikat yang tidak beretika tetapi gaji lebih banyak.




Nota. Dari "LRN Ethics Study: Employee engagement", (2006).

"LRN Ethics Study: Employee engagement", (2006) menyatakan bahawa pekerja juga menunjukkan kesediaan untuk membantah apabila tidak berpuas hati dengan standard etika syarikat. Kajian tersebut mengesahkan bahawa lebih daripada satu daripada tiga orang Amerika yang bekerja sepenuh masa (36 peratus) telah meninggalkan pekerjaan kerana mereka tidak bersetuju dengan standard etika syarikat untuk berniaga. Oleh itu, hakikat bahawa satu daripada tiga pekerja telah meninggalkan pekerjaan kerana alasan etika meningkatkan pendapat bahawa syarikat dapat mengurangkan kos yang berkaitan dengan

perolehan dan kehilangan produktiviti dengan memupuk budaya korporat yang beretika ("LRN Ethics Study: Employee engagement", 2006).

### Rajah 3

Carta Pai menunjukkan pekerja yang meninggalkan pekerjaan kerana isu etika syarikat.



Nota. Dari "LRN Ethics Study: Employee engagement", (2006).

Joshi (2016) menyatakan bahawa kejuruteraan, seperti masalah etika, jarang mempunyai satu penyelesaian yang dapat disimpulkan. Joshi (2016) menunjukkan bahawa kedua-duanya mengandungi pelbagai penyelesaian yang jelas betul, relatif lebih baik atau tidak sesuai sama sekali. Joshi (2016) menulis bahawa perbezaan dan pemilihan pilihan yang ada adalah tepat dalam kejuruteraan. Joshi (2016) menyatakan bahawa contohnya, produk yang dirancang atau perkhidmatan yang diberikan dapat memberi manfaat kepada pihak tetapi dengan mengorbankan keseimbangan ekologi tempat, atau keharmonian sosialnya. Joshi (2016) menyedari bahawa etika, dalam kes ini, mungkin menentukan penggunaan dan penguatkuasaan pilihan analisis risiko-manfaat. Joshi (2016) menegaskan bahawa dalam kes di mana seorang jurutera menghadapi dilema moral yang kuat, atau bahkan konflik etika atau undang-undang, etika kejuruteraan berusaha untuk melampaui ketentuan undang-undang apabila tidak ada garis panduan undang-undang untuk menyelesaikan konflik tersebut. Joshi (2016) menyatakan bahawa etika memberi kuasa kepada jurutera dan memupuk nilai komitmen moral yang tulus. Joshi (2016) menulis bahawa etika juga membimbing tingkah laku profesional jurutera. Joshi (2016) menyedari bahawa pada dasarnya, nilai etika

memastikan transaksi yang jujur dan terbuka dalam profesion, dan bahawa para profesional dapat bekerja tanpa tekanan luaran atau berat sebelah. Etika juga memastikan bahawa jurutera dipertanggungjawabkan atas tindakan mereka, sehingga mereka mengenali dan menerima komitmen peribadi terhadap klien dan pekerjaan, dan menjaga kebijaksanaan terhadap maklumat pelanggan (Joshi, 2016).

## **6.0 Akibat Pengabaian Etika Dalam Kejuruteraan**

### **6.1 Diri**

Pengabaian etika dalam kejuruteraan memberi impak yang besar terutama pada diri. Sekiranya diri ini gagal untuk mengikut peraturan atau undang-undang yang ditetapkan maka gaga lah kita sebagai seorang manusia dan juga sebagai seorang jurutera. Antara kesannya ialah diri akan menanggung risiko keselamatan yang tinggi. Hal ini berlaku kerana, seseorang itu gagal mematuhi prosedur pekerjaan yang telah ditetapkan oleh pihak atasan. Ini telah terbukti dengan (Keselamatan et al., 2014) kajian yang dilakukan menunjukkan bahawa hampir 91% kemalangan berlaku disebabkan oleh kecuaiannya pekerja manakala 32% adalah disebabkan oleh mesin, 30% disebabkan oleh keadaan kerja itu sendiri dan keadaan persekitaran. Seterusnya, keruntuhan nilai murni pada diri. Hal ini demikian kerana, keruntuhan nilai murni dapat dikaitkan dengan pengabaian etika itu sendiri. Apabila etika tidak dipatuhi, maka disiplin diri semakin berkurang sejurus melahirkan sikap sambil lewa terhadap individu itu sendiri. Maka kualiti kerja yang dihasilkan juga tidak mencapai unit piawan yang dikehendaki majikan dan syarikat. Mementingkan diri juga termasuk dalam akibat pengabaian etika dalam kejuruteraan. Sikap ini perlu dielakkan ada pada setiap individu kerana kejuruteraan sering dikaitkan bekerja di dalam satu kumpulan bagi menyelesaikan masalah atau tugas yang diberikan. Jika sikap mementingkan diri ini dijadikan amalan hubungan bersama rakan setugas akan berenggang dan melahirkan ketidaksefahaman. Bukan itu sahaja, malah akan menjatuhkan reputasi sebagai seorang penjawat juga. Pengabaian etika dalam kejuruteraan juga melahirkan individu yang tidak berintegriti. Dalam pelaksanaan tugas, integriti individu itu penting untuk menghasilkan hasil kerja yang bermutu tinggi nilainya. Di dalam Islam juga telah menetapkan asas kukuh dalam menghasilkan kerja yang berkualiti. Ini berpandukan kepada hadith Nabi Muhammad S.A.W yang bermaksud; “Sesungguhnya Allah menyukai seseorang jika apabila kamu melakukan sesuatu tugas, maka kamu akan melakukannya dengan itqan”(Kanz al-‘Ummal, Kitab al-Ijarah min Qismal-Awqal. Dar al-Fikr, No. 9128). Ketelusan melakukan kerja itu penting kerana hasil kerja seseorang itu melambangkan keperibadian mereka. Justeru itu, sebagai individu yang menitik beratkan etika dalam diri, kita perlulah mematuhi etika yang

ditetapkan agar dapat mencorak diri untuk menjadi seorang jururtera yang mencapai kualiti yang bermutu tinggi

## **6.2 Masyarakat**

Keruntuhan nilai ahlak pada masyarakat yang mengalami masalah kekeluargaan . Hal ini berpunca daripada masyarakat yang tidak mengamalkan etika dalam kehidupan. Seorang yang profesional tidak akan mencapur adukkan suasana di tempat kerja dan di rumah. Segelintir manusia tidak dapat berbuat demikian kerana sikap mereka sendiri. Ahli Keluarga terutamanya menjadi mangsa keadaan oleh insan yang tidak bertanggungjawab. Kesannya, hubungan kekeluargaan akan menjadi renggang, anak-anak akan kurang menerima perhatian daripada kedua ibu bapa mereka. Hal ini kerana, ibu bapa mengalami pergolakan rumah tangga hanya disebabkan oleh perkara kecil yang berlaku sewaktu di tempat kerja. Maka, lahirlah belia yang menagalami masalah pergaulan social yang kuat. Seterusnya akan berlaku berpecah belahan antara masyarakat disebabkan tiada persefahaman antara satu sama lain. Hal ini tercetus apabila situasi di tempat kerja yang toksik menyebabkan individu itu tidak rela bertemu rakan sekerja mereka waktu di luar pejabat . Masalah ini bertambah rumit jika individu tersebut tinggal di di kawasan perumahan yang terdekat, dan mereka yang tidak profesional dan seterusnya akan menyebarkan cerita yang berlaku pejabat . Hal ini menyebabkan perpaduan tidak dapat dipupuk antara masyarakat lalu melahirkan masyarakat yang tidak harmoni.

## **6.4 Ekonomi**

Kesan pada ekonomi pula akan lahirnya jurutera dan teknokrat yang tidak bermoral. Contoh perkara yang dilakukan oleh teknokrat yang tidak bermoral ialah rasuah. (Sarah Dina Mohd Adnan, 2013) Rasuah secara umumnya berasal dari perkataan arab iaitu yang berbunyi al-risywah. Dalam Al- Quran ia merupakan salah satu perbuatan yang boleh dianggap sebagai satu jenayah, batil dan amatlah tidak boleh di dalam Islam. Pengamalan rasuah boleh mendatangkan kerugian pada negara serta keruntuhan ahlak pada seseorang individu. Bukan itu sahaja, pengamalan rasuah juga boleh memburukkan imej negara di persada dunia. Hal ini berkait rapat dengan apa yang melanda di Malaysia saban hari. Oleh itu, Suruhanjaya Pencegah Rasuah (SPRM) juga bergiat aktif dalam penangkapan dan pencegahan kes-kes rasuah di Malaysia bagi membersihkan imej Malaysia daripada terjejas. Undang- undang juga semakin diperketatkan oleh pihak kerajaan bagi mengatasi pisang berbuah dua kali. Seterusnya penghasilan teknologi mengikut kehendak komersial tanpa menghiraukan hukum agama. Sebagai contoh, penghasilan robot yang menyerupai manusia bertujuan untuk melepaskan

shahwat nafsu.Sudah terang lagi bersuluh,hal ini bertentangan degan hukum dan melanggar norma manusia.



## KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM INDEKS RASUAH GLOBAL (CPI)



Sumber : Indeks Persepsi Rasuah Transparency International (CPI), [transparency.org](http://transparency.org)

2014	50/175
2015	54/168
2016	55/176
2017	62/180
2018	61/180
2019	51/180

*Mohamed Azmin Ali*  
Menteri Hal Ehwal Ekonomi  
Malaysia

**Rajah 6.4.1** Kedudukan Malaysia dalam indeks rasuah global (CPI)

### 6.5 Syarikat

Syarikat tidak dapat menghasilkan kualiti pekerjaan yang bagus. Hal ini kerana, pengamalan sikap pekerja yang tidak mengamalkan etika ketika berkhidmat dan mengambil mudah tentangnya. Tambahan pula dengan sikap pekerja yang kurang berdisiplin menyebabkan kualiti pekerjaan itu berkurang nak memberi persepsi buruk kepada pelanggan. Selain itu, melahirkan pekerja yang tidak jujur. Hal ini boleh menyebabkan berlakunya pecah amanah dan penyelewengan maklumat sulit syarikat. Lalu menyebabkan syarikat mengalami kerugian dan boleh muflis.

Seterusnya, prestasi syarikat boleh merundum kerana tidak dapat menandingi syarikat maju yang lain. Pelanggan akan memilih syarikat yang mempunyai prestasi yang cemerlang untuk memenuhi permintaan mereka. Hal in demikian kerana, mereka tidak mahu menanggung risiko yang tinggi lebih – lebih yang berkait dengan duit. Jika mereka tidak berhati- hati dalam memilih syarikat , mereka yang akan mengalami kerugian kos.

### 7.0 Kesimpulan

Dalam kehidupan kita di dunia ini, sudah pasti menyebabkan kita akan bekerja dan berkomunikasi sesama manusia. Oleh itu, bagi mengekalkan komunikasi dan perhubungan yang baik maka semua manusia perlu berpegang kepada cara hidup beretika. Etika merupakan prinsip moral atau akhlak yang mesti menjadi pegangan setiap individu. Etika yang baik akan membina seorang individu mulia dan berintegriti mempunyai sifat-sifat terpuji dan siasah diri yang unggul walau di mana sahaja dia berada kerana nilai etika telah membentuk falsafah hidup, gaya berfikir dan tindak- tanduknya. Perkara ini seterusnya akan membawa kejayaan kepada dirinya sendiri seterusnya kejayaan kepada masyarakat dan negara. Selain etika yang membentuk peribadi seseorang individu, bagi sesebuah organisasi, ia memerlukan setiap anggota dalam organisasi tersebut mempunyai etika professional. Ia merujuk kepada nilai dan etika yang diperlukan dalam bidang professional. Pegangan kepada etika inilah yang akan memastikan seseorang menjalankan tugas yang telah diamanahkan mengikut peraturan yang digariskan bagi menjayakan kelangsungan organisasi tersebut. Pekerja yang mempunyai etika kerja yang baik pastinya akan memberi keuntungan kepada semua. Sebagai kesimpulannya, semua orang mesti mengamalkan etika yang baik pada setiap masa kerana ia merupakan satu kemestian bagi menjamin kesejahteraan negara. Adalah menjadi tanggungjawab semua untuk memastikan amalan etika yang baik sejak dari kanak-kanak hingga akhir hayatnya agar menjadikan masyarakat Malaysia terutamanya sebuah negara yang dipandang tinggi bukan sahaja kerana pencapaian kemajuan malah boleh dicontohi kerana rakyatnya mengamalkan etika hidup yang mulia.

## **Rujukan**

- (2014). Retrieved 4 December 2020, from [https://www.crh.com/media/1463/2014-cobc-malasian\\_online.pdf](https://www.crh.com/media/1463/2014-cobc-malasian_online.pdf)
- Adam, Z., & Kassim, F. (2008). Kemahiran kerja berpasukan: Etika dalam pekerjaan dari perspektif Islam. In Seminar Kemahiran Kebangsaan Kemahiran Insaniah Dan Kesejahteraan Sosial (pp. 18-19).
- bin Yang, Z. (2003). Nilai, etika dan budaya kerja dalam pentadbiran sektor awam di Malaysia dari perspektif Islam (satu imbasan kembali tinjauan karya).
- Code of Ethics. (n.d.). Retrieved December 09, 2020, from <https://www.nspe.org/resources/ethics/code-ethics>

Definition of Objective by Oxford Dictionary. (n.d.). Retrieved December 11, 2020, from <https://www.lexico.com/definition/objective>

Fahrudin, Adi & Psikologi, Sekolah & Sosial, Kerja. (2003). KOD ETIKA DALAM PROFESION KERJA SOSIAL: SATU KEPERLUAN DALAM KONTEKS MALAYSIA 1.

Idris, M., Zakaria, W. F. A. W., Long, A. S., & Salleh, N. (2019). Kualiti Kerja dalam Organisasi: Tinjauan dari Perspektif Pengurusan Islam. *International Journal of Islamic Thought*, 15, 60-70.

Joshi, P. (2016). The Importance of Ethics in the Engineering Sector. Retrieved 4 December 2020, from <https://medium.com/@PrabhatJoshi/the-importance-of-ethics-in-the-engineering-sector-cba24b1eba26>

Kerjaya, K. (2011). KERJAYA BIDANG KEJURUTERAAN. Diambil pada 23 November 2020, dari <https://dokterkerjaya.blogspot.com/2011/03/kerjaya-bidang-kejuruteraan.html>

Keselamatan, A., Dalam, B., Pelajar, K., Vokasional, K., Mohd, T., Azhar, K., Yusof, B. I. N., Sarjana, I., Teknikal, P., Instruksional, R., Teknikal, F. P., Universiti, V., & Hussein, T. (2014). *A t t p*.

Khairul Azwan B.A(2015) Faculty of Business and Managerment. *Professional Ethics* <https://www.slideshare.net/KabaNur/work-ethics-50269615>

LRN Ethics Study: Employee engagement. (2006). Retrieved 4 December 2020, from [https://assets.hcca-info.org/Portals/0/PDFs/Resources/library/EmployeeEngagement\\_LRN.pdf](https://assets.hcca-info.org/Portals/0/PDFs/Resources/library/EmployeeEngagement_LRN.pdf)

Mansor Mohd Noor (n.d) Kerencaman sosial . *Etika Kerja* <https://mansormohdnoor.com/etika-kerja-khairol/>

Najwa .I (2018) *Report Etika Kejuruteraan* . <https://www.scribd.com/document/394271057/Report-Etika-Kejuruteraan>

Pattipawae, D. R. (2011). Penerapan nilai–nilai dasar budaya kerja dan prinsip-prinsip organisasi budaya kerja pemerintah dengan baik dan benar. *Jurnal Sasi*, 17(3).  
Kartoningrat, R. B. (2016). Fungsi Etika Profesi Bagi Kurator Dalam Menjalankan Tugas. *Perspektif: Kajian Masalah Hukum dan Pembangunan*, 21(2), 113-124.

Rahmanto, E. (2016). Pengaruh Etika Kerja Islam Dan Kepuasan Kerja Terhadap Organizational Citizenship Behavior Dengan Komitmen Organisasi Sebagai Variabel Intervening (Studi Empiris Di Madrasah Mu'allimin Muhammadiyah Yogyakarta).  
kerja Islam, E. ETIKA KERJA DAN PERKHIDMATAN ISLAM: DEFINISI DAN PEMAHAMAN.

Sarah Dina Mohd Adnan. (2013). Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi. *Prosiding PERKEM VIII, JILID 2*, 7–9.  
[http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013\\_1E4.pdf](http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVIII/PKEM2013_1E4.pdf)

Sikap dan Etika Kerja Profesional. (2011, September 27). Retrieved December 09, 2020, from <http://juruteknik-komputer.blogspot.com/2011/09/sikap-dan-etika-kerja-profesional.html>

Wan Hassan, W. (2009). Kerjaya. Diambil pada 23 November 2020, dari <https://kaunselorsmkst.wordpress.com/kerjaya/>